

28 SEP 2001

MAHATHIR-PROJEK

KENAL PASTI PROJEK KECIL DAN LAKSANAKAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Para anggota Majlis Tertinggi UMNO diminta berhubung dengan anggota-anggota Parlimen dan dewan undangan negeri bagi mengenal pasti projek-projek kecil untuk pelaksanaan serta-merta, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya anggota-anggota Majlis Tertinggi telah diminta menghantar surat kepada mereka (anggota parlimen dan dewan negeri) dalam usaha untuk membantu kerajaan memberikan galakan yang perlu kepada projek-projek kecil.

Ini adalah melalui RM500 juta yang diluluskan oleh Kabinet bagi projek-projek pembangunan membabitkan kontraktor-kontraktor kecil yang sebahagiannya merangkumi pakej rangsangan RM4.3 bilion yang diumumkan Selasa lalu.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mesyuarat majlis tertinggi itu yang diadakan di sini hari ini.

Pakej rangsangan itu bertujuan mengurangkan kesan ekonomi yang buruk akibat tinjauan ekonomi global yang suram, diburukkan lagi oleh serangan penganas di Amerika Syarikat.

Pakej rancangan itu terutamanya disasarkan bagi pembanguna projek-projek infrastruktur seperti sekolah, kolej komuniti dan universiti baru.

Matlamat pakej baru itu adalah untuk menjana aktiviti-aktiviti ekonomi dan memastikan agihan faedah-faedah yang adil dan meluas kepada sebahagian besar penduduk, termasuk bilangan kontraktor bumiputera yang meningkat.

Di bawah pakej baru itu, peruntukan yang akan memberi faedah kepada kontraktor kecil termasuk projek-projek kecil luar bandar dan pembangunan bandaran kecil bernilai RM1.0 bilion dan menaik taraf tadika yang dikendalikan oleh Jabatan kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Sejumlah RM300 juta akan diperuntukkan bagi menaik taraf dan senggaraan bangunan-bangunan kerajaan, kuarters dan kemudahan-kemudahan, terutamanya sekolah, balai polis dan prasarana luar bandar.

Di samping itu bahawa tambahan RM300 juta adalah bagi membina makmal-makmal komputer di 2,000 buah sekolah.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan kecekapan pelaksanaan projek dengan mempercepatkan pembayaran kepada kontraktor dan menghapuskan kerenah birokrasi.

Mesyuarat mingguan akan diadakan antara pihak-pihak berkaitan dan pihak berkuasa kerajaan bagi mempertingkatkan sistem penghantaran kerajaan.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, akan membentangkan pakej rangsangan fiskal kepada kabinet pada 19 Okt ini. Beliau dijangka mengumumkan bahagian pakej yang tidak diumumkan daripada pakej berjumlah RM1.8 bilion.

Sehingga kini, kerajaan telah mengumumkan cadangan peruntukan di bawah pakej rangsangan itu bernilai RM2.5 bilion. -- BERNAMA

MFZ KTC OS